

# ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI RABU, 9 OGOS 2023, PUKUL 10:00 PAGI

*Bil. 06*

---

## PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- \*1. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah hala tuju penambahan kapasiti penjana tenaga elektrik di Sabah berbanding permintaan pengguna.
- \*2. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**
- berapakah bilangan projek mengikut kementerian yang telah dilaksanakan berikutan projek RM 50 juta ke bawah yang diluluskan oleh YAB Perdana Menteri dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk dilaksanakan; dan
  - apakah status terkini, adakah telah dilaksanakan pada tahun ini.
- \*3. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, sila jelaskan secara terperinci kandungan MoU yang ditandatangani dengan SK Nexilis kerana amat menghairankan bagaimana SESB mampu menyalurkan bekalan elektrik yang begitu banyak kepada hanya satu syarikat sedangkan seluruh rakyat Sabah menderita atas sebab kekurangan bekalan.
- \*4. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu golongan berkenaan dan berapa ramaikah usahawan kecil di negeri Sabah yang telah mendapat sijil pengiktirafan halal untuk produk yang mereka keluarkan.
- \*5. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah pihak kementerian akan mengkaji semula dan bercadang untuk menambah dana atau peruntukan pembangunan di setiap kawasan DUN.
- \*6. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, sejauh mana manfaat tenaga hijau (*Green Technology*) seperti *Biogas* dan *Biomass* daripada industri sawit.

- \*7. **YB. Datuk Jaffari bin Waliem [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, setakat manakah tahap minat dan penglibatan pelajar terhadap subjek sains tulen dan matematik (STEM) dan apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap STEM.
- \*8. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah jumlah kutipan zakat setakat bulan Jun 2023 dan berapakah jumlah sumbangan yang telah dikeluarkan daripada zakat tersebut.
- \*9. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-**
- a) berapa ramai belia yang dilatih dalam industri ternakan dan pertanian; dan
  - b) dari jumlah yang dilatih tersebut berapa ramaikah yang telah berjaya dibantu oleh kerajaan.
- \*10. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR: -**
- a) berapakah bilangan pelancong luar negara yang masuk ke Sabah sehingga suku kedua (Jan –Jun) tahun ini; dan
  - b) berapa pula anggaran pelancong untuk tahun ini dan tahun depan yang dijangka meningkat akibat daripada penurunan nilai ringgit berbanding US Dollar, Pound UK serta Renminbi China.
- \*11. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, bagaimanakah kerajaan mengukur keberkesanan dan hasil program kebajikan bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan penerima bantuan kebajikan.
- \*12. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah yang menyebabkan kelewatan penyaluran peruntukan rumah Sabah Maju Jaya (SMJ) kepada setiap daerah dan apakah langkah yang diambil untuk mempercepatkan penyaluran peruntukan ini.
- \*13. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah rancangan untuk membina lebih banyak rumah mampu milik memandangkan kenaikan harga rumah sekarang jauh lebih tinggi berbanding kenaikan pendapatan rakyat terutama golongan B40 dan M40 dan jika ada bilakah ia akan dilaksanakan.
- \*14. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah

kementerian mempunyai perancangan untuk memastikan tiada masalah gangguan bekalan air di Sandakan pada masa akan datang.

- \*15. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR:-**
- a) adakah rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) ini akan dibina lagi; dan
  - b) jika ada, mohon data mengenai pembinaan rumah PPRT yang akan dibina di Sandakan dan Sabah, lokasi dan kapasiti isi rumah yang boleh memohon.
- \*16. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, bilakah pelantikan baru Ketua-ketua Kampung, Kapitan Cina dan Ketua-ketua Adat Mahkamah Anak Negeri dilaksanakan dan adakah terdapat rancangan untuk mengendalikan pemilihan jawatan tersebut melalui pengundian.
- \*17. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, berapa banyak Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) di negeri ini yang telah memperolehi Skim *Bantuan* Aktiviti Guru dan Ibulbapa Sabah (BAGUS) bagi tahun 2022 dan 2023.
- \*18. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, bagaimanakah kementerian melakukan pemantauan terhadap pengusaha kapal laut dalam yang melakukan tangkapan di kawasan pesisir pantai.
- \*19. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, bilakah perkhidmatan hemodialisis boleh diperolehi di Klinik Kesihatan Telupid memandangkan ramai pengidap penyakit buah pinggang di daerah ini.
- \*20. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah program-program kerajaan yang melibatkan belia untuk mencungkil bakat, kemahiran baru dan giat sukan di kawasan luar bandar dan dalam bandar pada tahun ini dan seterusnya.
- \*21. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah perkembangan terbaharu kemasukan pelancong daripada luar ke negeri Sabah sepanjang enam bulan pertama tahun ini.
- \*22. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan merancang untuk membina sekolah aliran agama di Tawau bagi memenuhi permintaan bilangan pelajar yang semakin bertambah ketika ini.

- \*23. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, berapakah bilangan Pusat Dialisis seluruh Sabah mengikut daerah dan kategorinya sama ada milik kerajaan, swasta dan badan-badan sukarela (NGO) atau sumbangan syarikat melalui tanggungjawab social korporat (CSR).
- \*24. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN:-**
- a) apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah anjing liar dan terbiar dan merbahaya kepada orang awam; dan
  - b) berapa kes gigitan anjing liar yang berlaku setakat ini.
- \*25. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah usaha kerajaan menaiktaraf liputan jalur lebar (internet) di kawasan Parlimen Libaran yang meliputi DUN N.50 Gum-Gum, N.51 Sungai Manila dan N.52 Sungai Sibuga dan jika ada mohon untuk nyatakan senarai kampung yang terlibat.
- \*26. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kementerian mempunyai peruntukan untuk Jabatan Air Negeri Sabah menyelenggara dan membaiki paip lama dan bocor yang menyebabkan kerugian besar dalam bentuk *Non-Revenue Water* (NRW) kepada Jabatan Air Negeri.
- \*27. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah rungutan nelayan kecil di Teluk Kimanis berkenaan isu mereka tidak dibenarkan menangkap ikan dan berteduh di kawasan pulau-pulau berdekatan kawasan tersebut.
- \*28. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, sila perincikan program membasmi kemiskinan (yang bukan bersifat pembangunan prasarana/utiliti) yang telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di Kota Marudu, Tongod dan Pitas serta pecahan (mengikut kawasan masing-masing) jumlah peruntukkan (Kerajaan Negeri dan Persekutuan) dan jumlah peserta program ini.
- \*29. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal bin P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Lahad Datu.
- \*30. **YB. Datuk Amisah Yassin [Adun Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, adakah bantuan kewangan yang disalurkan kepada ibu tunggal yang mempunyai anak yang ramai di setiap kawasan DUN.

- \*31. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status tanah “*aerodrome reserve*” yang masa kini digunakan sebagai lapangan terbang Keningau dan apakah dasar kerajaan bagi mengesyorkan tanah tersebut dikekalkan dan dilindungi sebagai “*aerodrome reserve*.”
- \*32. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, adakah kementerian bercadang untuk menambah peruntukan tahunan yang berjumlah Ringgit Malaysia Tujuh Ribu sahaja (RM7,000.00) bagi melaksanakan sambutan Kaamatan di setiap daerah.
- \*33. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah status rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Gum-Gum Jaya dan adakah rumah PPR tersebut hanya sebagai rumah transit atau untuk disewa beli.
- \*34. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah pihak PBT mempunyai rancangan untuk meningkatkan kekerapan pemungutan sampah di Sandakan bagi menangani isu sampah sarap yang bertimbun sehingga menyebabkan pencemaran alam sekitar berlaku.
- \*35. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status perubahan terkini POIC Sandakan.
- \*36. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kerajaan akan meneruskan rancangan pembinaan empangan kaiduan Papar.
- \*37. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah tindakan drastik dan segera kementerian dalam meringankan tekanan dan kesusahan rakyat yang mengalami masalah banjir yang sering berlaku dalam musim hujan terutama sekali di kampung Jaya Bakti, kampung Sungai Memanjang, kampung Sungai Kapur dan Kampung Pertanian di kawasan DUN N.50 Gum-Gum.
- \*38. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, bilakah Pihak Berkuasa Tempatan dapat menjalankan pembaikan masalah lampu di setiap jambatan Kampung Sim Sim supaya laluan di jambatan-jambatan tidak gelap gelita dan membahayakan keselamatan penduduk Kampung Sim Sim.
- \*39. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan merancang untuk menyediakan bot-bot yang lengkap dengan enjin bagi membolehkan bantuan segera sampai kepada mangsa-mangsa banjir atau adakah apa-apa peruntukan khas yang kerajaan sediakan untuk tujuan ini.

- \*40. **YB. Datuk Hamild @ Hamid bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERA RAYA**, apakah status terkini perancangan kementerian untuk projek bekalan air luar bandar bagi kampung bukit Quoin, kampung Serudung baru dan kampung Kalumpang di kawasan DUN N.67 Balung dan di daerah Tawau.
- \*41. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status terkini bantahan penduduk ke atas pewartaan Hutan Simpan Wariu di kawasan Kadamaian.
- \*42. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah *Standard Operation Procedure* untuk membaikpulih lampu-lampu jalan yang bermasalah di Sandakan.
- \*43. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah polisi Kerajaan Negeri bagi menangani isu anjing liar yang semakin serius di kawasan perumahan sehingga menjejaskan kehidupan penduduk setempat.
- \*44. **YB. Datuk Anwar Ayub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah perancangan kementerian untuk mengkaji semula justifikasi/tatacara naik taraf jalan raya agar dapat dilebarkan dari ukuran sedia ada iaitu 4 meter kepada ukuran 8 meter.
- \*45. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah Kerajaan Negeri Sabah bercadang meminta kerajaan Persekutuan mendesak kerajaan Republik Filipina menubuhkan konsulat Filipina di Kota Kinabalu.
- \*46. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah pihak Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai rancangan untuk menyelenggara ataupun menaiktaraf jambatan-jambatan Kampung Berhala Darat Sim Sim dan Kampung Melayu Bumiputera.
- \*47. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, berapakah jumlah peruntukan perikanan yang disalurkan kepada nelayan di DUN Sekong.
- \*48. **YB. Datuk Anwar Ayub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status terkini jalan-jalan Relief Keningau.

- \*49. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri bagi mengawal masalah sosial seperti perjudian, kes-kes kecurian dan salah guna syabu yang semakin berleluasa di kawasan Kampung Sim Sim.
- \*50. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah lebih 2,000 penduduk di Pangsapuri Tanjung Aru, perumahan pekerja Sabah Forest Industries, Sipitang dan Taman Puri Warisan, Inanam yang diarah berpindah tidak merempat akibat arahan berpindah tersebut.
- \*51. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah terdapat rancangan untuk menaik taraf keseluruhan Jalan Kuhara kepada *dual carriageway* dengan penambahan jejambat (*flyover*).
- \*52. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan bercadang untuk membina Ibu Pejabat Polis daerah Telupid.
- \*53. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah langkah daripada pihak kerajaan bagi melaksanakan kampung tersusun di kawasan DUN Sekong khususnya bagi kawasan setinggan.
- \*54. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, bilakah balai bomba dapat dibina di daerah Telupid memandangkan tanah telah tersedia.
- \*55. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, mengapakah pihak Jabatan Air Negeri Sabah hanya mengeluarkan bil setiap tiga hingga empat bulan sekali kepada pengguna.
- \*56. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah strategi kerajaan untuk memastikan semua masjid dan surau seluruh negeri Sabah mempunyai sekurang-kurangnya seorang imam rawatib.
- \*57. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah strategi kerajaan bagi menangani isu anjing liar yang berkeliaran di seluruh negeri Sabah.
- \*58. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menambah elaun guru KAFA dan imam rawatib supaya mencapai tahap gaji minima RM1500.

- \*59. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kementerian mempunyai peruntukan untuk kerja-kerja baik pulih atau penyelenggaraan sistem saliran pembetulan.
- \*60. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah kementerian bercadang untuk menaikkan jumlah gaji bagi pemimpin di peringkat kampung seperti Ketua Kampung selaras dengan cabaran ekonomi dan kerja lapangan di kawasan masing-masing.
- \*61. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status terkini pembinaan semula Masjid Daerah Ranau.
- \*62. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, bilakah kawasan pelupusan sampah yang baru di daerah Telupid dapat dibuka bagi mengatasi masalah timbunan sampah.
- \*63. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, berapakah bajet yang diperuntukkan khusus untuk Sandakan dalam usaha bagi menangani isu bekalan elektrik, bekalan air dan pembangunan Sandakan.
- \*64. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah pandangan Kerajaan Negeri berhubung status laporan akhir Jawatankuasa Khas Kabinet (JKK) untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia (MA63) yang diletakkan di bawah penarafan rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan adakah kerajaan bersetuju bahawa terdapat keperluan bagi laporan ini nyah-klasifikasikan kepada dokumen terbuka.
- \*65. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah kementerian merancang untuk mengurangkan kadar cukai pintu tahunan bagi beberapa kawasan di Sandakan yang kerap berhadapan dengan masalah seperti kerosakan lampu jalan di kawasan perumahan, rumput panjang, sampah sarap termasuk haiwan liar dan juga jalan berlubang.
- \*66. **YB. Datuk Wetrom bin Bahanda [Bandau]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah perkembangan proses dan status pengeluaran sebahagian tanah SAFODA yang telah dipohon untuk dikeluarkan dan telah diusahakan oleh penduduk setempat terutama di kawasan DUN Bandau.